

---

## **BHG 1 : PENGENALAN**

Nor Zareen Bakeri ialah perniagaan yang akan menjalankan pembuat dan pengedar produk berasaskan bakeri seperti aneka jenis kek dan roti. Premis perniagaan yang dipilih terletak di lokasi yang strategik di kawasan perumahan iaitu di Bandar Baru Kluang, Johor.

Sebelum tertubuhnya syarikat ini, pemilik telah menimba ilmu pengetahuan dan melengkapkan diri dengan kemahiran berkaitan penyediaan, pembuatan dan hiasan kek serta roti yang sewajarnya daripada pengalaman berkursus di beberapa buah kedai kek di sekitar lembah klang.

Dengan minat yang mendalam dan semangat yang tinggi untuk mempertingkatkan status sosio ekonomi, saya telah berusaha mengumpul wang daripada pendapatan bulanan yang diperolehi dan telah berjaya membeli 1 buah oven, 1 buah heavy duty cake mixer dan beberapa peralatan lain yang berkenaan. Ini adalah sebahagian daripada langkah mempersiapkan diri saya untuk menjadi seorang pengurus syarikat yang bijak dan berkalibar.

Selain daripada itu, hasrat untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berasaskan bakeri yang halal untuk pelanggan beragama islam juga telah menjadi pendorong kepada saya untuk menceburi bidang perniagaan yang kebanyakannya dipelori oleh kaum bukan bumiputera. Seterusnya, saya juga dapat menyumbang kearah peningkatan bilangan bumiputera yang menceburi bidang perniagaan yang mencabar ini disamping dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada bumiputera yang lain.

### **1.1 VISI**

Membuka sebuah galeri kek popular yang menawarkan kepelbagaian dari segi rasa dan bentuk selain membuka sebuah kedai yang menjual barang-barang keperluan membuat kek dan roti yang dijual dengan harga yang murah.

### **1.2 MISI**

Memastikan orang islam mempunyai pilihan alternatif dalam membeli produk berasaskan bakeri yang diyakini halal. Berlandaskan motto "BERSIH DAN DIYAKINI", ianya dapat menarik minat konsumen daripada kalangan orang islam khususnya membeli produk yang dijual tanpa was-was. Selain daripada itu, ianya dapat meningkatkan lagi peratusan orang melayu menceburi bidang yang selama ini dimonopoli oleh bangsa lain.

## **BHG 2 : TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

2.1 Tujuan rancangan perniagaan ini ialah:

- Menyediakan maklumat lengkap bagi tujuan memohon pembiayaan kewangan dari institusi kewangan.
- Menyediakan garis panduan untuk pihak pengurusan, supaya syarikat ini berjalan dan berkembang mengikut seperti yang di rancang.
- Sebagai bahan rujukan untuk menyakinkan pembekal-pembekal bahan mentah akan keupayaan perniagaan.

2.2 Nilai pembiayaan yang dipohon bagi memulakan perniagaan adalah sebanyak RM 30 000

### **BHG 3 : LATARBELAKANG PERNIAGAAN**

- 3.1 Nama Perniagaan : **Nor Zareen Bakery**
- 3.2 Alamat Berdaftar : **No 11, Jalan datuk Ibrahim Majid,  
Kluang ,  
Johor Darul Takzim.**
- 3.3 Alamat Perniagaan : **Taman Kluang Baru,  
Johor Darul Takzim**
- 3.4 No. Telefon : **012-3192210**
- 3.5 No. Daftar Perniagaan : **Dalam proses**
- 3.6 Tarikh Pendaftaran : **Dalam proses**
- 3.7 Aktiviti Perniagaan : **Membuat dan mengedar kek dan roti.**
- 3.8 Bentuk Perniagaan : **Perseorangan.**
- 3.9 Modal Permulaan : **RM 24,000**
- 3.10 Bank berurusan : **Bumiputra Commerce Bhd**
- 3.11 No.Lesen Kementerian  
Kewangan : **-**
- 3.12 Tarikh Tamat Lesen :
- 3.13 Bidang Kerja Didaftarkan : **Menjual kek dan roti,bahan kek dan minumam ringan.**
- 3.14 Nama Pemilik : **Haminah Bte Abd Rahman**
- 3.15 No.K/P : **510422-01-5262**

## **BHG 4 : LATARBELAKANG PERNIAGAAN**

- 4.1 Nama : **Haminah Bte Abd Rahman**
- 4.2 Alamat Tetap :  
**No 11, Jalan 2,  
Tam,an Selayang,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan.**
- 4.3 No.Kad Pengenalan : **510422-01-5262**
- 4.4 Tarikh Lahir : **22hb April 1951**
- 4.5 Agama : **Islam.**
- 4.6 Taraf Perkahwinan : **Bujang.**
- 4.7 Kelulusan Akademik : **S.P.M.**
- 4.8 Pengalaman Kerja : **-**
- 4.9 Kursus Dihadiri : **Latihan Sangkut Kerja (LSK)**
- 4.10 Lain-lain : **-**


## BHG 5 : RANCANGAN PENGURUSAN

### 5.1 STRUKTUR DAN ORGANISASI

Struktur organisasi yang dibentuk oleh perniagaan adalah merangkumi peringkat atasan hingga bawahan. Secara keseluruhannya, struktur organisasi bagi syarikat adalah seperti berikut;

Jadual 1

#### Nor Zareen Bakery



### 5.2 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Fungsi dan tanggungjawab yang telah ditentukan adalah bagi melicinkan perjalanan sesebuah syarikat.

Pengurus: **Haminah Bte Abd Rahman**

- Mengurus perjalanan dan aktiviti syarikat.
- Mengurus pentadbiran, kewangan dan pemasaran.
- Mengurus hal ehwal pekerja .
- Menentukan jumlah, jenis dan mengawal mutu produk.
- Melaksanakan urusan pejabat termasuk kemaskini semua rekod pejabat.
- Mengambil dan merekod pesanan.
- Urusan bank.
- Mengurus keluar/masuk bahan mentah.

Pembuat kek: (kosong)

- menerima dan melaksanakan tempahan.
- Memperkenal dan mempelbagaikan keluaran produk sedia ada.

Pembuat Roti : (kosong)

- Memperkenal dan mempelbagaikan keluaran produk.
- Melaksanakan tempahan.

Pemandu kereta: (kosong)

- Menjalankan urusan pengangkutan yang berkaitan dengan perniagaan.
- Menjaga keselamatan dan penjagaan kenderaan(van).
- Lain-lain tugas.
- Memantau lokasi yang sesuai bagi tujuan mencari pasaran baru.

### 5.3 GAJI DAN GANJARAN

Anggaran gaji dan ganjaran pekerja sebulan.

**JADUAL 2 : ANGGARAN GAJI DAN GANJARAN SEBULAN**

BIL	JAWATAN	RM				JUMLAH
		GAJI	ELAUN	KWSP	PERKESO	
1	Pengurus	1,000.00	-	110.00	16.65	1126.65
2	Pembuat kek	600.00	-	66.00	9.65	675.65
3	Pembuat Roti	600.00	400.00	66.00	9.65	1075.65
4	Pemandu Van	800.00	200.00	88.00	13.15	1101.15
<b>Jumlah</b>		<b>3,000.00</b>	<b>600.00</b>	<b>330.00</b>	<b>49.00</b>	<b>3979.1</b>

## 5.4 BELANJA PENGURUSAN

**JADUAL 3 : KOS PENGURUSAN**

<b>PERKARA</b>	<b>PERBELANJAAN ASET TETAP (RM)</b>	<b>PERBELANJAAN BULANAN (RM)</b>
<b>ASET TETAP</b>		
Ubahsuai	-	
Pendawaian	1,000.00	
<b>PERBELANJAAN BULANAN</b>		
Gaji dan Elaun		1,000.00
Upah dan elaun pekerja		2,600.00
Sewa lot perniagaan		250.00
Bil Air dan Elektrik		500.00
Bil Telefon		-
KWSP dan Perkeso		379.00
<b>LAIN-LAIN BELANJA</b>		
<b>JUMLAH</b>		
	1,000.00	4,729.00

## 5.5 STRATEGI PENGURUSAN

Antara strategi pengurusan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 5.5.1 Menerap semangat kerja berpasukan di antara para pekerja demi kebaikan bersama.
- 5.5.2 Mengadakan perbincangan dengan semua pihak termasuk pihak pengurusan dan pelaksanaan dalam memberi pendapat atau cadangan bagi mempertingkatkan produktiviti.
- 5.5.3 Memberi imbuhan kepada pekerja sebagai dorongan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.
- 5.5.4 Mengikuti latihan ikhtisas lanjutan seperti kursus-kursus yang berkaitan untuk mempertingkatkan kamahiran dan kepakaran dalam bidang bakeri.
- 5.5.5 Memberi nasihat dan bimbingan kepada semua yang terlibat supaya sentiasa menumpukan perhatian terhadap perkhidmatan mesra pelanggan yang cemerlang.
- 5.5.6 Menerapkan budaya dan etika kerja yang baik dan mengamalkan nilai murni dalam diri setiap yang terlibat dengan bakeri ini.

## BHG 6 : RANCANGAN TEKNIKAL PERKHIDMATAN

### 6.1 Harta tetap dan peralatan yang dimiliki

**JADUAL 4 : SENARAI ASET TETAP**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA (RM/UNIT)</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Pengadun kek (3kg )	1	2,750.00	2,750.00
2	Pengadun kek (1kg )	1	1,900.00	1,900.00
3	Oven (Elektrik )	1	1,100.00	1,100.00
4	Oven (Gas )	1	3,000.00	3,000.00
5	Tray	10	13.00	130.00
6	Dulang pembakar 17x24")	10	20.00	200.00
7	Van	1	40,000.00	40,000.00
8	Display Rak kek/roti	2	300.00	600.00
<b>JUMLAH</b>				<b>49,680.00</b>

### 6.2 HARTA TETAP DAN KELENGKAPAN YANG DIPERLUKAN

**JADUAL 5 : ASET TETAP YANG DIPERLUKAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA (RM/UNIT)</b>	<b>JUMLAH</b>
2	Peti ais 3 pintu	1	4,800.00	4,800.00
7	Meja stainless steel	2	1,000.00	2,000.00
9	Dapur Gas dan Tong gas	1	100.00	100.00
10	Tempahan acuan	1 set	350.00	350.00
<b>JUMLAH</b>				<b>7,250.00</b>

### 6.3 :STOK BEKALAN/BARANGAN

**JADUAL 6 : Kos bahan mentah selama sebulan**

<b>BIL</b>	<b>BAHAN MENTAH</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA (RM/UNIT)</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Tepung Gandum	50 kg	1.80	45.00
2	Tepung roti	50 kg	1.80	45.00
3	Mentega	200 buku	3.40	680.00
4	Gula Caster	50 kg	1.80	90.00
5	Serbuk Koko	25 kg	13.00	325.00
6	Sponge Mix Vanilla	50 kg	3.92	196.00
7	Sponge Mix Chocolate	50 kg	4.20	210.00
8	Lemak Sayur	36 kg	2.30	80.00
9	Marjerin	36 kg	2.11	76.00
10	Krimwell	36 kg	3.88	140.00
11	Ovalette	20 kg	5.30	106.00
12	Papan Lapik & Kotak	350	1.80	630.00
13	Choc Rice	25 kg	5.00	125.00
14	Lain-lain Bahan Mentah			252.00
<b>JUMLAH</b>				<b>3,000.00</b>

### 6.4 : SENARAI PEMBEKAL BAHAN-BAHAN MENTAH

**HOUSE OF INGREDIENTS**

No 3, Jalan Gangsa SD5/3E,  
Sri Damansara,52200  
Kuala Lumpur.  
(Tel 03-62742262)

**BIBUN FOOD SDN BHD**


No 2, Jalan Bidara 2/4,  
Taman Bidara,Selayang Bharu  
68100 Selangor  
(Tel 603-61389288)

**BAKE WITH YEN**


No 33 Lorong Haji Taib Satu,  
50350 Kuala Lumpur.  
(Tel 03-26927623)

6.5 : CARTA ALIRAN PROSES KERJA

Carta Aliran memproses kek




## LANGKAH MEMPROSES KEK



## Carta Aliran Pemrosesan Roti



## LANGKAH PEMBUATAN ROTI



**6.6 : KOS OPERASI  
JADUAL 8**

<b>PERKARA</b>	<b>PERBELANJAAN ASET TETAP(RM)</b>	<b>PERBELANJAAN BULANAN(RM)</b>	<b>LAIN-LAIN BELANJA(RM)</b>
<b>ASET TETAP</b>			
Peralatan sedia ada	9,680.00		
Peralatan yang diperlukan	7,250.00		
<b>PERBELANJAAN BULANAN</b>			
Bahan Mentah		3,000.00	
Pembungkusan		300.00	
<b>LAIN-LAIN BELANJA</b>			
Pembaikan dan selenggaraan mesin			500.00
<b>Jumlah</b>	<b>16,930.00</b>	<b>3,300.00</b>	<b>500.00</b>

**6.7 RAMALAN BELIAN BAHAN-BAHAN MENTAH SELAMA 3 TAHUN  
JADUAL 9**

<b>BULAN</b>	<b>RAMALAN BELIAN(RM)</b>	<b>CATATAN</b>
1	3,000.00	
2	3,000.00	
3	3,000.00	Cuti Sekolah
4	3,000.00	
5	3,000.00	Cuti Sekolah
6	6,000.00	Cuti Sekolah
7	6,000.00	
8	6,000.00	Cuti Sekolah
9	4,500.00	
10	4,000.00	(Pengurangan 50%)Bulan Puasa
11	6,000.00	(Belian meningkat 30%) Cuti sekolah dan Raya Puasa
12	6,000.00	Cuti Sekolah
<b>TAHUN</b>		
1	<b>56,500.00</b>	
2	<b>62,150.00</b>	Peningkatan 10%
3	<b>68,365.00</b>	Peningkatan 10%

## **6.8 : STRATEGI PERKHIDMATAN**

Strategi perkhidmatan merupakan elemen penting dalam menentukan peningkatan sesebuah perniagaan. Oleh yang demikian, beberapa strategi perkhidmatan telah disusun:

- 6.8.1 Memberi perkhidmatan berkualiti dan menangani segala masalah dan teguran pelanggan dengan penuh keikhlasan.
- 6.8.2 “Layanan perkhidmatan berserta senyuman ikhlas” yang akan diterapkan ke atas semua pekerja.
- 6.8.3 Menyiapkan kerja tempahan mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pelanggan.
- 6.8.4 Membuat penghantaran ke lokasi dan tepat pada waktu yang dijanjikan.

## BHG 7: ASPEK PEMASARAN

### 7.1 PERKHIDMATAN DAN HARGA YANG DITAWARKAN

**JADUAL 10 : SENARAI HARGA BAGI KEK-KEK KONTINENTAL**

BIL	PERKARA	250 GRAM (RM/UNIT)	500 GRAM (RM/UNIT)	1 KILO (RM/UNIT)
1	Butter Cream	10.00	19.00	34.00
2	Fresh Cream	11.00	20.00	35.00
3	Coklat	12.00	22.00	40.00
4	Cheese	-	22.00	40.00
5	Mousse	-	25.00	50.00

**JADUAL 11 : SENARAI HARGA BAGI ROTI 50 GRAM**

BIL	PERKARA	250 GRAM (RM/UNIT)
1	Pizza Bun	1.30
2	Sausage Bun	1.10
3	Mentega Bun	0.60
4	Kaya Bun	0.60
5	Cheese Bun	1.30
6	Maxican Bun	1.00

### ANTARA PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

- Menyediakan 'hamper' pada musim perayaan dan pada hari-hari tertentu. Harga dan produk ditentukan oleh pelanggan.
- Mengadakan pakej perkahwinan kepada bakal pengantin.

### 7.2 KUMPULAN SASARAN

Antara kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti menjadi bakal pelanggan adalah :

- Butik-butik pengantin.(menawarkan pakej kepada bakal-bakal pengantin.)
- Kantin-kantin sekolah.
- Kedai-kedai kek.
- Restoren-restoran.

**7.3 : ANGGARAN JUALAN  
JADUAL 15**

BULAN	MEMBEKAL KE KEDAI KEK		MEMBEKAL KE SEKOLAH		CATATAN	
JAN	4,200		3,600		29-30	Tahun Baru Cina
FEB	4,200		3,600			
MAR	5,000		2,700		11-19	Cuti Sekolah
APR	4,200		3,600			
MAY	5,000		2,700		27-11	Cuti Sekolah
JUN	5,000		10,000			Cuti Sekolah
JUL	4,200		11,000			
AUG	5,000		10,000		19-27	Cuti Sekolah
SEP	7,200		3,000		24	Ramadhan
OCT	6,000		3,000		24-25	Hari raya puasa
NOV	4,200		10,000		18-30	Cuti Sekolah
DEC	4,200		10,000			
<b>JUMLAH</b>	<b>58,400</b>		<b>73,200</b>			

**TAHUN**

1	<b>131,600</b>
2	<b>157,920</b>
3	<b>189,505</b>

<b>Sekolah</b>	= RM 180	x 20 (hari)	= RM 3,600
<b>3 sekolah</b>	= 300 roti	x 0.60	= RM 180.00
<b>Kedai kek</b>	= RM 6.000 sebulan	x 30 %	= RM 1,800.00
	RM 6.000 - RM 1.800		= RM 4,200.00

## 7.4 : KOS PEMASARAN

**JADUAL 16**

<b>PERKARA</b>	<b>PERBELANJAAN ASET TETAP(RM)</b>	<b>PERBELANJAAN BULANAN(RM)</b>	<b>LAIN-LAIN BELANJA(RM)</b>
<b>ASET TETAP</b>			
Van	40,000.00		
<b>PERBELANJAAN BULANAN</b>			
Tol		150.00	
MinyakPetrol		200.00	
Senggaraan Van		200.00	
<b>LAIN-LAIN BELANJA</b>			
Keraian			300.00
Lesen dan insuran van			1500.00
<b>JUMLAH</b>	<b>40,000</b>	<b>550.00</b>	<b>1,800.00</b>

## 7.5 : STRATEGI PEMASARAN

### 7.5.1 Barangan

- Memastikan kesegaran produk terjamin ,dimana tarikh luput akan dipaparkan pada setiap bungkusan untuk rujukan pelanggan.
- Mempelbagaikan keluaran produk agar pelanggan mempunyai banyak pilihan.
- Mengutamakan kualiti produk dengan menggunakan bahan-bahan mentah bermutu tinggi
- Mengujudkan produk baru dipasaran.

### 7.5.2 Promosi

- Memberi tawaran istimewa menjelang hari-hari perayaan bagi menggalakkan jualan.
- Mengadakan pakej atau pek istimewa khususnya kepada bakal-bakal pegantin.
- Memberi pek percubaan pada harga yang rendah bagi produk baru.

### 7.5.3 Tempat

- Memasarkan produk ditempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai.
- Membuat pemantauan keatas lokasi dan kekerapan pelanggan yang datang berkunjung.
- Membuat kaji selidik terhadap golongan sasaran seperti pekerja pejabat ,pelajar dan lain-lain.

### 7.5.3 Harga

- Memberi potongan harga istimewa bagi setiap musim perayaan dan hari –hari tertentu.
- Memberi harga pengenalan bagi setiap produk baru yang dikeluarkan.
- Memberi komisyen kepada pembeli secara berperingkat-peringkat.  
(Contoh setiap jualan RM500 keatas 20% komisyen,RM700 keatas 25% komisyen)

## BAHAGIAN 9 : ASPEK KEWANGAN

### 8.1 : KOS PELABURAN PROJEK

**JADUAL 17**

ANGGARAN PERBELANJAAN						
BIL	PERKARA	MODAL DIPERLUKAN				PERATUS (%)
		SENDIRI	BANK	MARA	JUMLAH	
1.0	<b>HARTA TETAP</b>					
1.1	Pendawaian	-	-	1,000	1,000	1
1.2	Mesin	9,680	-	7,250	16,930	25
1.3	Kenderaan(van)	6,000	44,000	-	50,000	74
<b>A</b>	<b>JUMLAH HARTA TETAP</b>	<b>15,680</b>	<b>44,000</b>	<b>8,250</b>	<b>67,930</b>	<b>86.2</b>

### 2.0 HARTA SEMASA

2.1	Pendahuluan Sewa	300	-	-	300	100
2.2	Belanja Pra-Operasi	-	-	-	-	
<b>B</b>	<b>JUMLAH HARTA SEMASA</b>	<b>300</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>300</b>	<b>0.4</b>

### 3.0 MODAL PUSINGAN

3.1	BELIAN BAHAN MENTAH	3,000	-	-	3,000	28
3.2	O/HEAD COST/B.PENTADBIRAN	6700	-	1,750	7,579	72
<b>C</b>	<b>JUMLAH MODAL PUSINGAN</b>	<b>9700</b>	<b>-</b>	<b>1,750</b>	<b>10,579</b>	<b>13.4</b>
	<b>JUMLAH PELABURAN(A+B+C)</b>	<b>25680</b>	<b>44,000</b>	<b>10,000</b>	<b>78,809</b>	<b>100</b>
	<b>PERATUSAN PECAHAN (%)</b>	31	56	13	100	

### 8.2 : SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK

MODAL SENDIRI: TUNAI					RM 10,000
MODAL SENDIRI: ASET TETAP SEDIA ADA					RM 15,680
PINJAMAN MARA	faedah	5%	Tempoh	3	RM 10,000
PINJAMAN BANK	faedah	4.2%	Tempoh	6	RM 44,000
<b>JUMLAH SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK</b>					<b>RM79,680</b>

### 8.3 : JADUAL SUSUT NILAI ASET TETAP

Jadual 18

Jenis Aset : Peralatan dan mesin sedia ada Kos (RM) : 9,680 Kadar Tahunan : 10 %			
Tahun	Susut nilai tahunan	Susut nilai terkumpul	Nilai buku
0	-	-	9,680
1	968	-	9,196
2	968	-	8,712
3	968	-	8,228

Jenis Asset : Peralatan yang akan dibeli Kos (RM) : 7,250 Kadar Tahunan : 10 %			
Tahun	Susut nilai tahunan	Susut nilai terkumpul	Nilai buku
0			7,250
1	725	725	6,520
2	725	1,450	5,800
3	725	2,175	5,075

Jenis Aset : Pendawaian Kos (RM) : 1,000 Kadar Tahunan : 10%			
Tahun	Susut nilai tahunan	Susut nilai terkumpul	Nilai buku
0			1,000
1	100	100	900
2	100	200	800
3	100	300	700

Jenis Aset : van Kos (RM) : 50,000 Kadar Tahunan : 20%			
Tahun	Susut nilai tahunan	Susut nilai terkumpul	Nilai buku
0			50,000
1	10,000	10,000	40,000
2	20,000	20,000	30,000
3	30,000	30,000	20,000

#### 8.4 : Pengiraan pembiayaan dan nilai ansuran bulanan

##### Jadual 19

<b>BAYARAN BALIK PINJAMAN MARA</b>			
Jumlah Pinjaman : 10,000			
Kadar Faedah : 5 %			
Tempoh (tahun) : 3 ( 3 bulan bernafas )			
Kaedah : Baki Tahunan			
Tahun	Pokok	Faedah	Baki pokok
0			10,000
1	2,502	378	7,498
2	3,336	504	4162
3	3,336	504	826
4	826	126	0

<b>BAYARAN BALIK PINJAMAN BANK</b>			
Jumlah Pinjaman : 44,000			
Kadar Faedah : 4.20 %			
Tempoh (tahun) : 6			
Kaedah : Baki Tahunan			
Tahun	Pokok	Faedah	Baki pokok
0			44,000
1	7332	1848	36,668
2	7332	1848	29,336
3	7332	1848	22,004
4	7332	1848	14,672
5	7332	1848	733
11 bulan	7332	1848	0
1 Bulan			00

